

27 AUG 2001

Mahathir-Globalisasi

PM SOKONG GLOBALISASI TAPI BUKAN IKUT TAKRIF NEGARA KAYA

PETALING JAYA, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia menyokong globalisasi tetapi bukan seperti yang ditakrif oleh negara kaya yang semata-mata berfikir daripada segi modal dan keuntungan bagi mereka.

Beliau berkata globalisasi mestilah mendatangkan kebaikan kepada semua negara terutama negara sedang membangun yang masih miskin dan lemah.

Globalisasi mesti dilaksanakan secara perperingkat-peringkat untuk membolehkan negara-negara yang lemah meningkatkan kedudukan mereka agar mampu bersaing dan melindungi diri mereka, kata beliau semasa sesi dialog pada satu persidangan kebangsaan di Bandar Sunway di sini.

Sebelum itu Dr Mahathir telah menyampaikan ucaptamanya bertajuk "Mencapai Pertumbuhan Mapan, Mengukuhkan Ketahanan Ekonomi - Jalan Malaysia Ke Arah Kemakmuran" pada Persidangan Nasional mengenai Wawasan Negara, Rancangan Malaysia Kelapan dan Penswastaan.

Dr Mahathir berkata Malaysia bersetuju bahawa harus diwujudkan dunia tanpa sempadan daripada segi pelaburan modal kerana negara ini telah mendapat modal asing sekarang walaupun tanpa globalisasi, dan telah memperoleh manfaat melalui penubuhan kilang-kilang oleh pelabur asing itu.

Bagaimanapun suatu bentuk perlindungan seharusnya diadakan bagi negara seperti itu supaya ia tidak akan menghadapi masalah ekonomi apabila modal asing itu dengan tiba-tiba dibawa keluar dengan banyaknya.

"Kita tahu sekarang bahawa jika modal itu tiba-tiba dibawa keluar, ia boleh merosakkan ekonomi kita. Oleh itu apabila kita mahu laksanakan globalisasi, ia seharusnya merupakan sesuatu yang baik untuk kita, tetapi bukanlah tidak baik untuk negara kaya, kerana kita juga memerlukan negara kaya itu.

"Kita mahu mereka menjadi kaya tetapi bukan dengan mengorbankan kepentingan kita," kata beliau.

Perdana Menteri berkata pada masa ini soal penanaman modal bagi negara kaya membawa maksud bahawa modal dan pasaran adalah sesuatu yang agung, dan mereka hanya berminat kepada mendapat keuntungan, bukan kepada apa yang berlaku kepada masyarakat di negara yang menerima pelaburan modal itu.

Dr Mahathir berkata penarikan keluar modal secara besar-besaran dengan tiba-tiba dari sesebuah negara boleh menyebabkan berjuta orang kehilangan pekerjaan sedangkan apa yang menjadi perhitungan utama pelabur adalah untuk membuat seberapa banyak keuntungan semata-mata.

Dalam melaksanakan globalisasi, kata beliau, pertimbangan hendaklah juga diberikan kepada tahap kemajuan yang berbeza antara satu negara dengan negara yang lain.

"Sesetengah negara sangat maju dan mampu melindungi kepentingan mereka sendiri. Negara lain pula terlalu miskin dan lemah, serta tidak berupaya untuk melindungi kepentingan mereka," katanya.

Dengan menyebut industri automotif yang kecil di Malaysia sebagai contoh, Dr Mahathir berkata industri itu tidak akan dapat bersaing dengan syarikat gergasi dalam bidang itu jika mereka datang ke Malaysia.

Industri automotif dunia sedang melalui proses penggabungan untuk mengurangkan jumlah syarikat kepada lima syarikat gergasi -- masing-masing dua buah di Amerika dan Eropah dan sebuah di Jepun, katanya.

Syarikat-syarikat ini dengan skala ekonomi yang begitu besar akan pada hakikatnya menguasai dunia dalam bentuk oligopoli, kata beliau.

"(Apabila mereka datang ke Malaysia) Mereka kata mengapa Malaysia

perlu industri automotif, mengapa tidak jualkan sahaja kepada syarikat besar.

"Dan jika kita buat begitu, apa yang akan berlaku ialah mereka akan memutuskan bahawa tidak menguntungkan daripada segi ekonomi untuk mengeluarkan kereta di Malaysia," katanya.

Lalu mereka pun akan mengeluarkan kereta itu di negara lain dan menjualnya di Malaysia, kata beliau.

Jika itu berlaku, Malaysia akan kehilangan industri automotif yang telah menjadi pemangkin kepada industri kejuruteraan negara, kata Perdana Menteri.

Demikian juga halnya, jika bank gergasi asing dibenarkan beroperasi di negara ini dengan status bank nasional, mereka akan melemahkan bank tempatan dan akhirnya akan membelinya, kata beliau.

Dr Mahathir berkata negara tidak boleh menaruh harapan kepada bank asing supaya mengambil berat tentang masalah sosialnya, dan kerajaan juga tidak boleh meminta mereka untuk memberi pinjaman kepada Bumiputera, umpamanya.

Dr Mahathir berkata istilah "gelanggang permainan yang sama rata" yang digunakan dalam globalisasi hanya ditujukan kepada mereka yang same saiznya.

"Jika kita mempunyai satu pasukan yang terdiri daripada gergasi dan satu lagi pasukan terdiri daripada golongan kenit, dan mereka disuruh bermain American football yang mereka tidak pernah bermain dahulu... boleh anda bayangkan?" kata beliau.

"Walaupun kita percaya tentang perlunya globalisasi, kita ingin berunding lagi mengenai syarat-syarat globalisasi itu," katanya.

Dr Mahathir bersetuju bahawa globalisasi akan membuka peluang pasaran yang luas tetapi ia hanya untuk mereka yang mahir dalam selok-beloknya.

Persidangan dua hari yang dianjurkan bersama oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) itu dihadiri 450 peserta dari sektor awam dan swasta.

-- BERNAMA

AFY ZS RYN NMO